

# PERBAHASAN AHLI PARLIMEN MALAYSIA TERHADAP ISU LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN, 1959-1991

Hamdan Aziz  
Ruzaini Sulaiman  
Ruhaizan Sulaiman \*

## Abstrak

Makalah ini berusaha merungkaikan pertembungan dua aliran pemikiran dalam kalangan Ahli Parlimen Malaysia berhubung status pemungutan hasil kerajaan melalui Loteri Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat. Butir-butir perbahasan yang dikemukakan ahli Parlimen pembangkang terutama PAS yang mendesak kerajaan supaya menghentikan aktiviti loteri yang disifatkan sebagai haram manakala ahli Parlimen kerajaan khususnya UMNO mempertahankan legasi loteri selama 40 tahun dengan menyatakan menjadi keperluan kerajaan untuk mengutip dana demi pembangunan rakyat. Selaras dengan Analisis Kandungan dalam perkaedahan kualitatif, Penyata Rasmi Parlimen sama ada Penyata Dewan Rakyat dan Penyata Dewan Negara, dianalisis serta dideskriptifkan sebagai naratif penulisan. Kajian mendapati polemik dua aliran pemikiran di atas bukan berhubung soal pembelian tiket loteri kerana disepakati hukumnya haram. Namun polemik keduanya berkisar kepada dua persoalan iaitu pertama, mengapa kerajaan memperbadankan loteri sehingga dijadikan sebahagian badan kerajaan serta menjalankan aktiviti penjualan tiket loteri di atas nama kerajaan. Kedua, mengapa wang loteri diagihkan untuk pembinaan masjid, madrasah serta sekolah agama yang pada pandangan PAS, kerajaan mampu menjana pendapatan dalam aspek lain. Manakala wakil kerajaan menegaskan bahawa wang loteri boleh digunakan dalam pelbagai aspek kebajikan dan tidak terhad kepada institusi agama. Makalah ini diharapkan dapat memberi gambaran secara holistik terhadap dua aliran pemikiran berhubung isu loteri selain pasang surut Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat.

**Kata kunci:** fundamental, aliran, ahli parlimen dan loteri kebajikan

---

\* Hamdan Aziz dan Ruzaini Sulaiman adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu manakala Ruhaizan Sulaiman adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

## Pendahuluan

Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen yang mengamalkan sistem *bicameral* iaitu mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebagai tempat penggubal undang-undang selain memperdebatkan perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam. Ahli-ahli Dewan Rakyat (ADR) dipilih melalui pilihan raya setiap lima tahun sekali manakala Ahli Dewan Negara (ADN) dipilih sama ada oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) setiap negeri atau lantikan Persekutuan di atas cadangan Perdana Menteri selama tiga tahun. Bagi tempoh 1959-1964, ADR PAS adalah seramai 13 orang manakala bagi tempoh 1964-1969 (9) dan 1969-1974 (12). Manakala melalui Pilihan Raya Umum (PRU) 1974, Parti Islam se-Malaysia (PAS) bertanding di atas tiket Barisan Nasional (BN) dan memenangi kesemua kerusi yang dipertandingkan. Bagi sesi 1978-1982, ADR PAS seramai 5 orang, 1982-1986 (5), 1986-1990 (1) dan 1990-1995 (7) manakala majoriti adalah wakil rakyat BN khususnya UMNO (*United Malays National Organisation*).<sup>1</sup> Keahlian ADN PAS yang dilantik kerajaan Negeri Kelantan (1959-1978) manakala wakil DUN Terengganu (1959-1961). Dalam masa 40 tahun Parlimen Malaysia sentiasa hangat dengan isu loteri iaitu secara *en bloc* atara kumpulan yang menyokong dengan kumpulan yang mempertikaikan mengapa UMNO sanggup bersekongkol dengan perkara haram. Polimek mengenai loteri semakin hangat dalam tempoh 1962 sehingga 1990, apabila kerajaan pimpinan UMNO memperbadankan loteri serta menjalankan penjualan tiket loteri. Pada 4 April 1990, kerajaan mengumumkan penamatan Lembaga Loteri setelah mengambil kira pelbagai aspek terutama kemashlahatan penduduk.

Keterangan mengenai judi loteri anjuran UMNO boleh dilihat pada tulisan Abu Hanifah Jamil yang membincangkan pensejarahan awal loteri yang diadakan bagi tujuan memperoleh dana bagi membantu kebajikan penduduk ekoran penderitaan yang dialami sewaktu penjajahan dan keganasan komunis sekalipun amalan judi yang diputuskan sebagai haram.<sup>2</sup> Tujuan diadakan loteri disentuh Joseph M. Fernando yang menjelaskan cabaran utama yang dihadapi Perikatan peringkat awal ialah kekurangan dana untuk menggerakkan parti.<sup>3</sup> Tujuan loteri UMNO ditulis Gayl D. Ness yang menjelaskan hasil wang loteri digunakan untuk membantu orang Melayu serta membiayai petugas parti sewaktu kempen pilihan raya.<sup>4</sup>

Tulisan Tariq Ali melalui bukunya *The Clash of Fundamentalisms: Crusades, Jihads and Modernity* merumuskan berlakunya pertembungan antara beberapa kumpulan di dunia ini disebabkan masing-masing mempertahankan prinsip fundamental yang padanya dianggap betul. Hal ini mempunyai kebersamaan apabila berlakunya reaksi daripada ahli Parlimen Malaysia terhadap isu penggunaan wang loteri iaitu satu pihak bersetuju manakala pihak kedua tetap bertegas wang mengatakan loteri adalah haram.<sup>5</sup> Kenyataan Tariq mempunyai

- 
- 1 Hamdan Aziz. Pengalaman Pilihan Raya Terengganu, 1959-2013, Kuala Nerus: Universiti Malaysia Terengganu, 2015, 10-12.
  - 2 Abu Hanifah Jamil, Loteri UMNO Malaya 1946–1969, *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, No. 29 (1) 2020, 117-142
  - 3 Joseph M. Fernando. *The Alliance Road to Independence*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, 30.
  - 4 Gayl D. Ness. *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia: A Study of Complex Organizations in stimulus economic development in new states*, California: University of California Press, 1967, 53
  - 5 Tariq Ali, *The Clash of Fundamentalisms: Crusades, Jihad and Modernity*, Petaling Jaya: Forum Publication, 2006, 307.

persamaan dengan tulisan Samuel P. Huntington melalui teori pertembungan tamadun (*The Clash of Civilization*) yang berpendapat nilai, budaya dan kepentingan yang berbeza boleh mencetuskan pertembungan.<sup>6</sup> Untuk lebih jelas, pertembungan pemikiran terhadap sesuatu perkara dirungkaikan Khalif Muammar melalui tulisannya “Islam dan Liberalisme: Antara *Maslahah* dan *Mafsadah*” iaitu apabila dunia Islam terpaksa menghadapi cendekiawan-cendekiawan Muslim yang berfikirkan sekular dan liberal. Fenomena ini didorong rasa rendah diri yang mencengkam sebahagian umat Islam akibat kemunduran umat Islam serta kejatuhan peradaban. Sebahagian daripada idea-idea yang diperkenalkan ada yang baik diterima dan sebahagian lain bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh merosakkan aqidah serta jati diri umat Islam.<sup>7</sup>

Bagi mengelakkan pertembungan berpanjangan dalam soal penggunaan wang loteri, ia boleh diselesaikan melalui pendekatan konsep *al-Wasatiyyah* sebagaimana yang dianjurkan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri. Tulisan Zulkefli Aini, Che Zarrina Sa’ari & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani memperincikan konsep wasatiyyah yang menjadi asas penting dalam sesuatu perbincangan kerana penjagaan adab apabila berlakunya perselisihan pendapat dalam kalangan masyarakat.<sup>8</sup> Begitu juga tulisan Mohamad Zarifi Mohamad Daud sekurang-kurangnya memberi kefahaman terhadap hukum penyaluran harta tidak patuh syariah ke Baitulmal berpandukan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Harta tidak patuh Syariah adalah harta yang diperolehi melalui *wasilah* yang tidak diiktiraf syarak seperti rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, transaksi riba, perlindungan insurans konvensional, keuntungan bon konvensional, keuntungan pelaburan di dalam sekuriti tidak patuh Syariah, dan seumpamanya. Berdasarkan Imam al-Syafie, perjudian salah satu daripada lapan perkara tidak patuh Syariah. Bagi melupuskan harta haram, Yusuf al-Qaradhawi mengemukakan penyelesaian iaitu menyalurkan harta haram ke arah jalan kebajikan seperti diberikan kepada fakir miskin, anak-anak yatim, perantau, jihad pada jalan Allah SWT, program menyebarkan dakwah Islamiah, membina masjid dan pusat-pusat Islam, melatih pendakwah, mencetak kitab-kitab Islam dan seumpamanya.<sup>9</sup>

## Sorotan Lembaga Loteri Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat Peringkat Awal

Idea mengenai loteri dalam kalangan ahli UMNO muncul sejurus parti itu ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Ini kerana pada 7 September 1946, seorang ahli parti iaitu Haji Rejab dari Kedah mengemukakan soalan kepada Pengerusi Pejabat Perkara Agama Umno berkaitan hukum loteri. Pada 3 Oktober 1946, Unit Agama UMNO yang diketuai Salleh Othman menegaskan hukum loteri adalah haram. Pada 10 Februari 1947, Setiausaha Agung Perikatan Melayu Perak mengemukakan soalan yang sama. Pada tahun 1949, UMNO merancang memindahkan

- 
- 6 Huntington S.P. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, London: The Free Press, 2002, 31.
  - 7 Khalif Muammar, *Islam dan Liberalisme: Antara Maslahah dan Mafsadah*, *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (Afkar)*. vol. 20 Issue 2, 2018, 38-40.
  - 8 Zulkefli Aini, Che Zarrina Sa’ari & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, *Pendekatan Dakwah al-Wasatiyyah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri*, *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (Afkar)*. vol. 20, issue 1, 2018, 181
  - 9 Mohamad Zarifi Mohamad Daud, *Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal*, *Jurnal Muamalat Bil. 2*, 2009, 121-122

Pejabat Agungnya dari Johor Bahru ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur yang memerlukan perbelanjaan sebanyak RM200,000 bagi mendirikan bangunan serta kos operasi<sup>10</sup>. Bagi mendapatkan wang, ahli mencadangkan supaya parti menganjurkan loteri sebagaimana rakannya MCA yang telahpun menganjurkan loteri.<sup>11</sup> Cadangan mengadakan loteri mendapat reaksi UMNO Terengganu yang turut bersetuju supaya parti menganjurkan loteri.<sup>12</sup> Begitu juga UMNO Kuala Lumpur bersedia menganjurkan loteri bagi mendapatkan dana sebanyak RM35, 000 untuk membina bangunan parti.<sup>13</sup> Pada 5 Januari 1951, akhbar Warta Negara menyiarkan keputusan UMNO Kelantan yang bersetuju menganjurkan loteri. UMNO Kedah pula menganjurkan loteri untuk membina bangunan parti dengan mengadakan cabutan tiket di Alor Star pada 16 Mac 1951.<sup>14</sup> Pada 18 Mac 1951, UMNO Kuala Lumpur membuat ketetapan loteri dibolehkan bagi mendapatkan dana parti.<sup>15</sup>

Pada 25 Mac 1951, Perhimpunan Agung UMNO memutuskan loteri boleh diadakan berdasarkan Ordinan No. 9, Persekutuan Tanah Melayu 1950 bagi mendapatkan dana politik untuk menggerakkan organisasi parti.<sup>16</sup> Keputusan UMNO Pusat tidak dipersetujui Hussin Che Dol, Pengerusi UMNO Kedah dan juga Pengerusi Persatuan Ulama Kedah yang mengatakan loteri adalah haram. Beliau memaklumkan pendiriannya kepada Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agama UMNO pada 30 Julai 1951. Pada 19 Ogos 1951, Persidangan Khas Alim Ulama di Seberang Prai yang dipengerusikan Mufti Pulau Pinang, Abdullah Fahim mencapai kata sepakat loteri adalah haram. Pada 20 Ogos 1951, Yang Dipertua Pejabat Agama Islam Johor, Ungku Ismail Abdul Rahman menyatakan tindakan UMNO menganjurkan judi menunjukkan parti itu hilang arah. Sementara itu Kesatuan Melayu Singapura (KMS) menggesa kumpulan yang berkendakkan loteri supaya bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Oleh kerana terdapat dua aliran pemikiran terhadap isu loteri, maka Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agama UMNO mengemukakan dua usul dalam Persidangan khas Alim Ulama di Madrasah Al-Khairiyah, Seberang Perai pada 23 Ogos 1951 iaitu berkaitan “Hukum Loteri UMNO” serta cadangan penubuhan persatuan ulama. Sekalipun mendapat kritikan dan kecaman banyak pihak terutama ulama, Tunku Abdul Rahman selaku Yang Dipertua UMNO dalam ucapannya di Kuala Kangsar pada 8 Mei 1952 menegaskan loteri UMNO tetap dijalankan bagi menjana pendapatan parti. Bahkan 50 peratus hasil jualan setiap tiket loteri dengan harga RM1.00 dimasukkan ke tabung UMNO manakala selebihnya diberikan kepada pemenang.<sup>17</sup>

Di Kuala Lumpur, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yahya Syeikh Ahmad menyifatkan tindakan UMNO mengadakan loteri disifatkan sebagai tidak Islamik serta menyebabkan segelintir ahli keluar parti.<sup>18</sup> Sebagai jalan tengah, Pemuda UMNO mendesak

- 
- 10 Mohd Fadli Ghani Head, Pusat Penyelidikan PAS 22 Ogos 2016 <https://www.facebook.com/paspusat/posts/hari-ini-dalam-sejarah-pas-usul-hukum-loteri-umno-diangkat-ke-persidangan-ulamak/1416592085024198/>
- 11 *MCA To Hold \$500,000 Sweep*, The Straits Times, 1 November 1949, 5 (Microfilm Reel NL02499)
- 12 *Pemuda Plans Lottery*, The Straits times, 14 November 1950, 4 (Microfilm Reel NL02505)
- 13 *Umno Lottery*, The Straits Times, 16 December 1950, 4 (Microfilm Reel NL02505)
- 14 *Umno Starts Lottery*, The Straits Times, 20 February 1951, 7 (Microfilm Reel NL02506)
- 15 *Umno Meet on Lottery*, The Straits Times, 18 March 1951, 1 (Microfilm Reel NL02424)
- 16 *Lottery Plan Approved*, The Straits Times, 25 March 1951, 1 (Microfilm Reel NL02424)
- 17 *Tengku: We Want Funds*, The Singapore Standard 9 May 1952, 7 (Microfilm Reel NL2289)
- 18 *Now the Malays may get lottery*, The Straits Times, 30 August 1952, 1 (Microfilm Reel NL02631)


supaya sebarang ketetapan loteri mesti diputuskan melalui Mesyuarat Agung. Di peringkat Pemuda UMNO, undian berhubung loteri diadakan apabila wakil pemuda Batu Pahat and Kluang, Ali Mohd Yunos mengemukakan usul bersetuju dengan pandangan Tunku bahawa UMNO memerlukan wang. Sekalipun kurang bersetuju dengan pandangan wakil pemuda, Sardon Hj. Zubir selaku Ketua Pemuda terpaksa bersetuju apabila undian 13 menyokong diadakan loteri manakala sembilan lagi tidak bersetuju. Sardon menjelaskan betapa Indonesia memperoleh kemerdekaan tanpa diadakan loteri tetapi kerja kuat, kerjasama dan tabah. Beliau menggesa ahli parti menarik lebih ramai orang Melayu menyertai UMNO daripada terlibat dengan loteri.<sup>19</sup>

UMNO Pusat yang mengadakan Perhimpunan Agung parti pada 16 September 1952 di Butterworth berkesudahan dengan kesemua 43 ahli yang hadir bersetuju supaya loteri diadakan. Wakil Pemuda, Naim Sukram menyatakan UMNO kesulitan wang memandangkan Tabung Pendidikan UMNO hanya berbaki RM761.76.<sup>20</sup> Oleh kerana cadangan mengadakan loteri mendapat persetujuan majoriti ahli, UMNO mengadakan cabutan tiket pertama pada 30 November 1952 di Pejabat UMNO Seberang Prai. Tiket boleh didapati di mana-mana Pejabat UMNO Bahagian dan cawangan serta ibu pejabat di No. 131 Jalan Ibrahim, Johor Bahru.<sup>21</sup>

### **Pertembungan Prinsip Fundamental Berkaitan Loteri dalam Parlimen Malaysia 1960-1990**

Selaras dengan fungsi Parlimen sebagai tempat perbahasan, maka dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara wujudnya pertembungan aliran pemikiran terhadap wang judi loteri iaitu pihak yang menentang dan pihak yang menyokong. Mereka yang menentang majoriti daripada wakil PAS manakala majoriti wakil Perikatan/BN khususnya UMNO mempertahankan dasar mengenai wang judi. Keterangan lanjut, pertembungan aliran bertitik tolak daripada premis sebagaimana dalam Rajah 1;

**Rajah 1: Isu Serta Aliran Pertembungan Wang Loteri**



19 *Junior Umno Lottery Call The Straits Times*, 13 September 1952, 5 (Microfilm Reel NL02632)

20 *UMNO will start big sweep for welfare The Straits Times*, 16 September 1952, 4 (Microfilm Reel NL02632)

21 Setelah cabutan diadakan, tiket bernombor 158812 diisytihar sebagai pemenang tempat pertama dengan hadiah bernilai RM20,000. Sekalipun 300,000 keping tiket dicetak tetapi hanya 90,000 berjaya dijual. Lihat *UMNO Welfare Lottery draw*, *The Straits Times*, 3 October 1952, 9 (Microfilm Reel NL02632); *Results of Big UMNO Lottery*, *The Straits Times*, 1 December 1952, 7 (Microfilm Reel NL02633); *UMNO to run big lottery*, *The Straits Times*, 8 January 1953, 8 (Microfilm Reel NL02634)

Dalam persidangan Dewan Negara yang berlangsung pada 6 Julai 1960, kerajaan Perikatan mengemukakan usul supaya perkhidmatan loteri dilanjutkan tempoh selama lima tahun lagi. Ini kerana loteri diperbaharui setiap lima tahun yang bermula Disember 1950 serta disambung kali kedua pada Disember 1955 dan ketiga pada tahun 1960. Hal ini tentunya menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan wakil PAS yang semenjak dari awal menentang penganjuran loteri dalam UMNO. Sehubungan itu Amaluddin Daros menyatakan tidak bersetuju terhadap usul sekalipun Lembaga Loteri banyak membantu penduduk kerana bertentangan dengan prinsip beragama sama ada Islam atau lain-lain agama. Persidangan Persatuan Antara Agama di Singapura pada tahun 1950 membahaskan mengenai loteri bersepakat menolaknya. Sekalipun Amaluddin mengakui Lembaga Loteri memberi bantuan termasuk surau, masjid, sekolah-sekolah agama namun pada beliau wang loteri hanya boleh digunakan dalam keadaan terdesak. Wang loteri meletakkan ahli-ahli jawatankuasa surau, masjid dan sekolah agama dalam keadaan serba salah iaitu mahu menerima atau menolak. Kerajaan sepatutnya bertanggungjawab dalam soal kebajikan dan pendidikan rakyat termasuk mewujudkan peruntukan khas dan bukannya melalui penjualan tiket judi loteri.<sup>22</sup>

Dalam pada itu Da Abdul Jalil Awang, selaku wakil DUN Terengganu (PAS) menegaskan sekiranya dari tahun 1950 sehingga 1960, kewujudan loteri boleh diterima kerana pada masa itu belum ada lagi Rancangan Luar Bandar. Akan tetapi negara telahpun mencapai kemerdekaan serta wujud beberapa agensi kerajaan yang membantu penduduk maka adalah tidak munasabah loteri diteruskan. Sekiranya kerajaan boleh mengharamkan beberapa judi lain mengapa pula dalam isu Loteri Kebajikan kerajaan bertindak sebaliknya? Sekalipun hasil yang diperoleh begitu lumayan tetapi kesan akibat judi kepada masyarakat perlu di ambil kira.<sup>23</sup>

Engku Muhsein Abdul Kadir (UMNO) kurang bersetuju terhadap pandangan Amaluddin dan Da Abdul Jalil terhadap loteri memandangkan hasil judi boleh disalurkan untuk pembangunan penduduk. Beliau memberikan contoh Sekolah Arab Perempuan di Kuala Terengganu mendapat bantuan wang loteri sebanyak RM200,000 untuk pembinaan bangunan sekolah serta asrama. Sedangkan bantuan terhadap Sekolah Agama terletak di bawah bidang kuasa Negeri tetapi Negeri tidak mempunyai kemampuan menunaikan tanggungjawab tersebut. Dalam persidangan yang sama, Ahmad Said (UMNO-Perak) hairan dengan sikap wakil PAS yang tidak bersetuju dengan penggunaan wang loteri sedangkan ulama parti itu di Perak menyatakan Loteri Kebajikan sebagai tidak haram bahkan menggunakan wang Loteri Kebajikan sebanyak RM50 ribu untuk membina bangunan sekolah dan asrama.<sup>24</sup>

Abdul Wahab Idos (UMNO-Negeri Sembilan) menjelaskan isu loteri menyebabkan beliau dalam keadaan dilema iaitu berpegang kepada hukum agama serta menunaikan tanggungjawab untuk membina masjid, sekolah serta bantuan kebajikan lain. Beliau pernah memohon sumbangan orang ramai untuk pembinaan bangunan sekolah tetapi hanya berjaya mendapatkan RM9.00 sedangkan perbelanjaan yang diperlukan sebanyak RM500. Sekalipun beliau tidak gemar dengan loteri tetapi terpaksa menerimanya untuk kerja-kerja kebajikan apatah lagi kerajaan berjanji hanya mengadakan dalam masa lima tahun manakala selepas itu Rancangan Luar Bandar mengambil alih peranan membantu penduduk.<sup>25</sup> Nik Hassan Nik

22 Parliamentary Debates Dewan Negara (Senate), Official Report, Volume II, No. 5, 6 Julai 1960, 390-393

23 Ibid., 407

24 Ibid., 394, 395 & 408.

25 Ibid., 398-400

Yahya (UMNO) menyokong cadangan kerajaan melanjutkan tempoh loteri memandangkan wang tersebut boleh digunakan dalam pelbagai projek pembangunan. Baginya, adalah tidak munasabah wakil Kelantan yang hadir ke dewan semata-mata meminta kerajaan menghentikan loteri sedangkan rakyat negeri tersebut sangat memerlukan bantuan. Beliau memberikan contoh pembinaan bangunan Madrasah Naim al-Bannat yang tertangguh semenjak 1942 berjaya disiapkan dengan bantuan wang loteri. Begitu juga sebuah bangunan berharga RM100,000 ribu didirikan di Kota Bharu dengan peruntukan wang loteri sebanyak RM75,000 ribu manakala selebihnya RM35,000 ribu memohon bantuan kerajaan Negeri tetapi tidak diluluskan. Nik Hassan menegaskan mesyuarat dewan seharusnya memberi tumpuan bagi mendapatkan kelulusan perlanjutan loteri dan bukannya soal halal atau haram loteri. Nik Hassan meminta wakil PAS memberikan contoh mana-mana individu yang membeli tiket Loteri Kebajikan yang porak-peranda hidupnya termasuk menggadaikan harta bendanya.<sup>26</sup>

Dalam sidang yang sama Athi Nahappan (MIC) yakin pembangkang sama sekali tidak menafikan faedah yang diterima apabila RM20 juta hasil wang loteri dimasukkan ke akaun kerajaan. Pada beliau, jika pembangkang ditakdirkan menjadi kerajaan maka mereka juga mengadakan Loteri.<sup>27</sup> Ong Yoke Lin (Ulu Selangor-MCA) selaku Menteri Kesihatan dan Kebajikan Sosial kurang bersetuju pandangan wakil PAS yang menyatakan wang loteri sebagai haram kerana wang loteri boleh disalurkan untuk kebajikan. Beliau yang bersetuju dengan pandangan wakil PAS yang menyatakan menjadi tanggungjawab kerajaan membantu penduduk. Justeru penjualan tiket loteri adalah satu usaha kerajaan memandangkan lebih RM7 juta iaitu cukai 10 peratus daripada loteri menjadi hasil kerajaan.<sup>28</sup>

Sewaktu soal jawab lisan di Dewan Negara pada 14 Ogos 1961, Da Abdul Jalil menyatakan bantuan Loteri Kebajikan dalam hal keagamaan bukan sahaja bersalahan dengan hukum bahkan menyalahi peraturan lembaga itu sendiri. Hal ini berdasarkan *Section 2 of the Social and Welfare Services Lotteries Board (Clarification) Ordinance, No. 64 of 1950*, yang menyatakan;

*“It is hereby declared that nothing contained in the Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance, 1950, not any rule, regulation or order made there under shall be deemed to require any Muslim to do any act contrary to his religion”.*<sup>29</sup>

Tentang PAS terhadap loteri juga berlaku di Dewan Rakyat. Sewaktu membahaskan isu loteri pada 30 April 1962, Hussain Rahimi Saman (PAS-Kota Bharu Hulu) menegaskan beliau tidak bersetuju terhadap cadangan memindahkan wang loteri daripada milik UMNO ke akaun kerajaan kerana hukumnya tidak menepati syarak. Beliau berpandukan pandangan ulama serta mafhum hadith “masjid yang didirikan dengan wang yang haram, *sumaah* dan riak, maka masjid tersebut diklasifikasi sebagai masjid *dhirar*” yang mana masjid ini diarahkan Rasulullah SAW supaya diruntuhkan. Di Kelantan, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) menegah penduduk mendirikan solat Jumaat pada mana-mana masjid yang dibina dengan wang loteri. Hussain Rahimi tidak bersetuju dengan Syed Jaafar Hasan Albar (Johor

---

26 Ibid., 400-404,

27 Ibid., 404-406,

28 Ibid., 409-411

29 Parliamentary Debates Dewan Negara, Official Report, Volume III, No. 4, 14 Ogos 1961, 224-225

Tenggara) yang berpendapat hasil loteri adalah masalah *khilafah* (cabang). Sebaliknya beliau berpandangan wang loteri hukumnya haram.<sup>30</sup>

Dalam pada itu Othman Abdullah (PAS-Tanah Merah) turut tidak bersetuju terhadap cadangan memindahkan wang loteri UMNO ke akaun kerajaan. Othman bertanya apakah kekurangan Lembaga Loteri dalam soal pengurusan wang sehingga tergamak memasukkan sumber loteri ke akaun kerajaan? Dalam satu seminar di Kuala Lumpur yang dihidirinya ada membincangkan berkaitan mengenai penggunaan wang loteri. Dalam perbahasan terdapat dua pandangan iaitu ada yang mengatakan hukumnya dibolehkan dan ada yang mengatakan sebaliknya. Tetapi dalam soal loteri, mereka bersetuju hukumnya haram. Bahkan seorang mufti menegaskan sesiapa dengan sengaja menghalalkan judi loteri maka terkeluar daripada Islam. Dalam pada itu Othman dukacita Majlis Raja-Raja Melayu belum mengeluarkan titah rasmi berkaitan wang loteri. Atau mungkin Majlis Raja-Raja belum mendapat nasihat kerajaan kerana khuatir tidak dipersetujui Baginda.<sup>31</sup> Mohamed Asri Haji Muda (PAS-Pasir Puteh) juga hairan dengan sikap kerajaan yang menjadikan loteri sebagai satu urusan negara sedangkan hal ini tidak terjadi di negara lain. Baginya tidak ada kerajaan di dunia yang menjadikan judi sebagai jabatan kerajaan. Asri berpendapat kerajaan tidak berani mengeluarkan keputusan Majlis Raja-Raja supaya mudah memasukkan wang loteri UMNO ke akaun kerajaan. Agak menghairankan dalam negara yang mengaku Islam sebagai agama rasmi tetapi tidak mahu mematuhinya. Turut menyokong pandangan Asri ialah Che Khadijah Mohd. Sidek (PAS-Dungun) dan Ahmad Abdullah (PAS-Kota Bharu Hilir).<sup>32</sup>

Pandangan PAS yang mengaitkan loteri sebagai haram tidak dipersetujui wakil Perikatan seperti Syed Hashim Syed Ajam (UMNO-Sabak Bernam). Pandangan Syed Hashim disokong Mohamed Yusof Mahmud (UMNO-Temerloh) yang menyatakan mana-mana ahli dewan yang tidak bersetuju dengan loteri perlu mengadap Majlis Raja-Raja.<sup>33</sup> Sementara itu Hanafi Mohd. Yunus (UMNO-Kulim Utara) dukacita pembangkang mempolitikkan isu wang loteri sedangkan elaun mereka sebagai wakil rakyat dibayar daripada wang perbendaharaan yang mengandungi pelbagai jenis kutipan cukai seperti arak, lesen penternakan babi atau sebagainya. Beliau mencabar pembangkang supaya membawa usul mengeluarkan semua wang yang dikatakan haram daripada Perbendaharaan. Bahkan di Kelantan negeri yang ditadbir PAS juga terdapat kedai arak, pajak gadai, lesen babi dan lesen anjing yang mana cukai dimasukkan ke akaun kerajaan. Baginya, banyak negara menjadikan wang judi sebagai hasil kerajaan seperti Thailand dan Amerika Syarikat.<sup>34</sup>

Tun Abdul Razak (UMNO-Pekan) menjelaskan wang loteri tidak perlu dipolimekkan kerana pihak kerajaan telahpun mengadap Majlis Raja-Raja dan Baginda bersetuju selagi mana hasil wang loteri dimasukkan ke akaun kerajaan dan bukannya akaun parti atau persendirian.<sup>35</sup> Pandangan Tun Razak mengambil kira pandangan ulama yang bermuzakarah di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada Oktober 1991 yang mana beberapa orang ulama seperti Sheikh Tahir al-Hadad dari Johor, Mufti Perak dan Tuan

30 Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat, Official Report Volume IV, No. 5, 1 Mei 1962, 603; juga lihat *Lottery Money- So Prayers are off*, The Sunday Times, 24 September 1961, 9 (Microfilm Reel NL03883).

31 Ibid., 611

32 Ibid., 613-620

33 Ibid., 607

34 Ibid., 618-620

35 Ibid., 619

Nik Mohd Salleh dari Kelantan yang menyifatkan loteri bukannya sebagai *maisir* (judi) serta dibolehkan penggunaan untuk kepentingan umum.<sup>36</sup>

Dalam Persidangan Dewan Negara 28 Mac 1966, Nik Hassan Nik Yahya menyatakan dengan pemindahan wang Loteri ke Perbendaharaan kerajaan menyukarkan agensi terbabit menyalurkan bantuan ke sekolah-sekolah persendirian. Justeru Nik Hassan memohon supaya Lembaga Loteri diberi hak memberikan sumbangan kepada mana-mana individu atau organisasi yang difikirkan layak.<sup>37</sup> Pada tahun 1963, Lembaga Loteri memberikan sumbangan termasuk Kelantan dan Terengganu berjumlah RM7½ juta.<sup>38</sup> Sekalipun Lembaga Loteri banyak menyalurkan dana ke Kelantan, Amaludin Daros sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan di Dewan Negara pada 6 Mac 1967, mengkritik ulama kerajaan yang tidak bersuara dalam isu loteri iaitu seolah-olah kumpulan ini bersetuju dengan amalan judi.<sup>39</sup>

Dalam sidang Dewan Rakyat pada 25 November 1964, Tan Siew Sin selaku Menteri Kewangan menjelaskan kerajaan memungut cukai sebanyak 20 peratus daripada aktiviti perjudian lumba kuda berdasarkan Undang-Undang Cukai Pertaruhan dan Loteri-Loteri Lumba Kuda 1948 serta Undang-undang Loteri 1952. Sekalipun begitu, kerajaan tidak berhasrat menjadikan kesemua aktiviti perjudian diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan kecuali Loteri Kebajikan.<sup>40</sup> Kerancakan perbahasan mengenai status penggunaan wang loteri dalam kalangan ahli merimaskan Ganie Gilong (Sabah) apabila beliau di Dewan Rakyat pada 15 Jun 1967 memohon supaya wang loteri disalurkan untuk projek pembangunan di Sabah.<sup>41</sup>

Kedudukan judi loteri terhadap agama dan moral turut disentuh wakil bukan Islam di Dewan Rakyat pada 3 Februari 1969, apabila Tan Chee Khooon (Gerakan-Batu) menyatakan beliau menentang Akta Pertaruhan Judi 1967 kerana amalan ini bertentangan dengan ajaran agama;

“...agak menghairankan apabila ramai wakil Perikatan khususnya UMNO bersetuju menjadikan hasil judi sebagai dana parti untuk menghadapi Pilihan Raya Umum. Beliau mempunyai bukti iaitu salinan perjanjian antara syarikat judi dengan kerajaan yang ditandatangani Tunku untuk menjalankan kegiatan judi 4-Digit. Kandungan surat menyatakan 20 peratus modal saham mestilah diberikan kepada orang Melayu dan syarikat mempunyai orang Melayu dalam pengurusan dan Lembaga Pengarah. Dalam surat lain bertarikh 21 Januari 1969, penganjur mendapat francais mempromosikan Loteri 4-Digit. Kerajaan diharapkan menghentikan aktiviti judi tetapi jika bertegas ingin meneruskan maka perlu diserahkan kepada Totalizator Board manakala keuntungan dikembalikan untuk kegunaan awam.”<sup>42</sup>

---

36 Bukan wang maisir, Berita Harian, 15 October 1961, 1 (Microfilm Reel NL2826)

37 Parliamentary Debates Dewan Negara, Official Report, Volume II, No. 12, 28 Mac 1966, 1491

38 Parliamentary Debates Dewan Negara, Official Report, Volume IV, No. 5, 27 Disember 1962, 359

39 Parliamentary Debates Dewan Negara, Official Report, Volume III, No. 9, 7 Mac 1967, 995-996

40 Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat, Official Report, Volume I, No. 19, 25 November 1964, 2643

41 Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat, Official Report, Volume IV, No. 2, 15 Jun 1967, 581

42 Perbahathan Parlimen Dewan Ra'ayat Yang Kedua, Penggal Kelima, Penyata Rasmi, Jilid V, No. 35, 3 Februari, 1969, 5224

Kenyataan Tan ada benarnya mengenai pembabitan orang Melayu sebagai Ahli Lembaga Loteri Kebajikan. Berdasarkan Penyata Dewan Rakyat, 25 November 1964, antara individu Muslim yang dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Loteri Kebajikan ialah Mohamed Jusoh, Raja Mohamed Nordin Raja Deli, Fatimah Hashim dan Wan Mohd. Razali Wan Mohamed Isa.<sup>43</sup>

Pertembungan pemikiran antara wakil PAS dan UMNO sedikit kendur dalam sidang dewan terutama pada awal tahun 1970an kerana PAS menyertai BN menjelang PRU 1974. Justeru tidak sewaktu dibentangkan Akta 65, Akta Cukai Perjudian yang dikuatkuasa pada 1 Mac 1972, ia diluluskan tanpa perdebatan yang panjang.<sup>44</sup> Akta Cukai Perjudian, 1972 dipinda bagi membolehkan cukai perjudian dikenakan atas wang yang dibayar bagi *chip* atau barang-barang lain yang digunakan untuk pertaruhan.<sup>45</sup> Sekalipun begitu, dalam Dewan Negara pada 17 Januari 1975, Abu Bakar Hamzah iaitu wakil DUN Kelantan (PAS) tetap bertegas bahawa beliau tidak menyokong sebarang undang-undang yang membenarkan perjudian sekalipun hasil judi meningkat pada tahun 1974 sebanyak RM70.5 juta serta bertambah kepada RM75.5 juta pada tahun 1975. Beliau menegaskan kerajaan sepatutnya menggunakan sepenuhnya kekayaan hasil bumi negara seperti minyak petroleum untuk membantu penduduk dan bukannya dengan cara penjualan tiket loteri.<sup>46</sup>

Dalam pada itu wakil rakyat wanita turut tampil menyatakan kurang bersetuju dengan loteri. Salmah Sheikh Hussain dalam sidang Dewan Negara pada 11 Januari 1980 menyatakan sebagai sebuah negara yang mengaku Islam sebagai agama rasmi maka kegiatan judi sepatutnya dihentikan.<sup>47</sup> Fatimah Salim memohon Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah tegas membanteras perjudian haram. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Syed Ahmad Shahabuddin) menjelaskan antara tahun 1975 sehingga November 1979, sebanyak 4,143 serbuan dilakukan dan 173 orang penganjur perjudian haram dikenakan tindakan. Seramai 3,689 orang pengutip dan 418 pelanggan ditangkap di bawah undang-undang Ordinan Rumah Judi Am No. 26/53. Kenyataan Timbalan Menteri masih tidak memuaskan Ahli Dewan seperti Salmah Sheikh Hussain yang menganggap kerajaan bersikap *double standard* iaitu menumpukan “judi haram” tetapi membiarkan “judi halal” seperti Loteri Kebajikan.<sup>48</sup>

Menteri Kebajikan Am (Aishah Abdul Ghani) menjelaskan keuntungan loteri bagi tahun 1977 sebanyak RM12.2 juta dan RM13.2 juta bagi tahun 1978.<sup>49</sup> Keuntungan kerajaan berdasarkan hadiah-hadiah yang tidak dituntut bagi tahun 1977 sebanyak RM1.5 juta

---

43 Dilantik di bawah Undang-Undang Lembaga Kebajikan Masyarakat, 1950 (Gazette Notification No. 440 bertarikh 6 Februari 1964) & (Gazette Notification No. 4209 1 Oktober, 1964). Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat, Official Report, Volume I, No. 19, 25 November 1964, 2535

44 Akta 65, Akta Cukai Perjudian 1972, Pindaan hingga 1 Januari 2006, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama Dengan Malayan Law Journal Sdn Bhd dan Percetakan Nasional Malaysia Bhd 2006

45 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keempat, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil.9, 17 Januari 1975, 877

46 Ibid., 883

47 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelima, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 47, 11 Januari, 1980, 4574

48 Ibid., 4573

49 Ibid., 4591

dan bagi tahun 1978 sebanyak RM1,272,700.00 dan RM2,174,500.00 bagi tahun 1979.<sup>50</sup> Berdasarkan Akta Wang Tidak Dituntut 1965, wang tersebut dimasukkan ke akaun kerajaan. Pada tahun 1978, Loteri Kebajikan memberikan bantuan kepada Persatuan Mencegah Penyakit Batuk Kering sebanyak RM590,782.05, Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga (RM250,000.00), Majlis Pusat Kebajikan Malaya (RM1,195,644.80), Yayasan Semai, Kuala Lumpur (RM30,000.00), Persatuan Orang-orang Sakit Kusta (RM300,000.00), Majlis Kebajikan Masyarakat Sabah (RM100,000.00), Kumpulan Wang Angkatan Tentera (RM50,000.00) dan aktiviti kebajikan (RM2,516,426.85). Selain itu, Kerajaan memberi bantuan kepada badan-badan sukarela berjumlah hampir RM1 juta.<sup>51</sup>

Berdasarkan keuntungan judi loteri yang diperoleh kerajaan, menyukarkan kerajaan untuk melepaskan tanggungan terhadap agensi ini. Justeru Menteri Kebajikan Am dalam sidang Dewan Negara pada 9 April 1980 menyatakan Kementeriannya belum mengambil apa-apa tindakan sekalipun dewan dimaklumkan Mufti Negeri Pahang mengeluarkan fatwa mengenai pengharaman loteri.<sup>52</sup> Dalam pada itu Raja Nong Chik Raja Ishak (UMNO) menyatakan sekalipun judi loteri adalah salah tetapi ada ulama yang membolehkan dengan tujuan menolong orang miskin serta membuat membina sekolah.<sup>53</sup> Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Mohamed Nasir) dalam sidang Dewan Negara pada 17 Disember 1982 yang menegaskan kerajaan masih di peringkat kajian untuk menghentikan aktiviti perjudian. Buat permulaan Perdana Menteri melarang umat Islam memasuki kasino di Genting Highland.<sup>54</sup> Begitu juga langkah beberapa buah kerajaan Negeri mengharamkan kelab-kelab perjudian. Begitu juga kerajaan serta badan-badan dakwah giat mengadakan penerangan tentang bahaya judi.<sup>55</sup> Menteri Kebajikan Am dalam sidang Dewan Negara pada 28 Mac 1983 menjelaskan kerajaan tidak berhasrat menutup agensi Loteri Kebajikan sekalipun penerapan nilai-nilai Islam dikuatkuasakan dalam pemerintahan negara.<sup>56</sup> Ini kerana hasil yang diperoleh daripada keseluruhan aktiviti perjudian pada tahun 1982 sebanyak RM318.6 juta.<sup>57</sup>

Oleh kerana masih terdapat beberapa kumpulan yang memerlukan bantuan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia, Persatuan Majlis Pusat Kebajikan Malaysia, Persatuan bagi Mencegah Penyakit Tibi, Persatuan Membantu Penyakit Kusta, Pengerusi Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah, Tabung Amanah Kebajikan Angkatan Tentera, Majlis Kanak-kanak Malaysia maka wang loteri disalurkan sebanyak RM2,113,448.<sup>58</sup> Pada

---

50 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 10, 25 Jun 1980, 1307

51 Op.cit., 11 Januari 1980, 4591-4592

52 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 3, 9 April 1980, 305

53 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 12, 27 Jun 1980, 1560

54 Malaysia to ban Muslims from casino, The Straits Times, 14 September 1982, 1 (Microfilm Reel NL12711).

55 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 8, 17 Disember 1982, 726; lihat juga Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 14, 4 Januari 1983, 1553.

56 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 20, 28 Mac 1983, 2313-2314

57 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 26, 9 Ogos 1983, 3433

58 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 28, 11 Ogos 1983, 3779

19 Disember 1983, Dewan Negara dimaklumkan jumlah wang loteri yang dibelanjakan bagi maksud pemulihan akhlak pada tahun 1981 sebanyak RM1,354,374, 1982 (RM1,138,344), 1983 (RM1,451,765) (anggaran). Manakala untuk kebajikan keluarga dan kanak-kanak teraniaya pada tahun 1981 (RM22,183,252), 1982 (RM21,627,168), 1983 (RM19,246,600) (Anggaran) yang disalurkan melalui Persatuan Majlis Pusat Kebajikan Malaysia dan Majlis Kanak-kanak Malaysia.<sup>59</sup> Dewan dimaklumkan Lembaga Loteri mempunyai 35 ejen seluruh negara manakala agen-agen ini mempunyai hampir 5,000 sub-agen bagi mengedar tiket-tiket loteri. Sekiranya ditamatkan, ia menutup peluang pekerjaan.<sup>60</sup>

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (James P. Ongkili) dalam sidang Dewan Negara pada 3 Disember 1984 memaklumkan sehingga Disember 1982, wang hadiah loteri yang tidak dituntut mencecah RM32,777,800 juta.<sup>61</sup> Mohd. Noor Abdullah berpandangan wang yang tidak dituntut menunjukkan penduduk mulai sedar bahawa wang tersebut adalah wang judi yang tidak diizinkan syarak. Mohd Noor menafikan tuduhan PAS yang mengatakan kerajaan BN sebagai *thaghut* yang bergelumang dengan kemaksiatan. Ini kerana mengikut Tafsir Fakhrrurrazi kalaulah seseorang atau sesebuah kerajaan berikrar dengan lidah mengatakan perkara ini wajib dan hati pun mengatakan wajib tetapi mereka tidak mengamalkan maka tidak termasuk dalam golongan yang disebut itu.<sup>62</sup> Manakala wang yang tidak dituntut dalam tahun 1985 (RM13.18 juta), 1986 (RM 17.07 juta), 1987 (RM19.48 juta) dan 1988 (Jan-Okt) (RM20.35 juta).<sup>63</sup>

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Peter Chin Fah Kui-Lambir) menjelaskan keuntungan hasil loteri dikreditkan ke Tabung Amanah pada tahun 1985 sebanyak RM29.75 juta, 1986 (RM36.91 juta), 1987 (RM38.63 juta) dan Jun 1988 (RM12.30 juta).<sup>64</sup> Mohamed Farid Ariffin memaklumkan jumlah cukai yang dikutip daripada semua aktiviti perjudian pada tahun 1988 sebanyak RM345.4 juta iaitu kasino, 3 & 4 Ekor, Lumba Kuda, TOTO, Ascot Sports dan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.<sup>65</sup> Menteri Kebajikan Masyarakat memaklumkan Lembaga Loteri tertakluk kepada Akta 252 (Pindaan 1981) iaitu segala hasil loteri hendaklah dikreditkan ke akaun kerajaan bagi kegiatan-kegiatan kebajikan.<sup>66</sup>

---

59 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 40, 19 Disember 1983, 5223

60 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 29, 12 Ogos 1983, 3870,

61 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 18, 3 Disember 1984, 2393

62 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Kedua Jilid II, Bil. 23, 11 Disember 1984, 3118

63 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 18,, 2 Disember 1988, 19

64 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 37, 27 Oktober 1988, 6509

65 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 3, 29 Mac 1989, 415

66 Ibid., 425-426.

**Jadual 1: Jumlah Pendapatan & Perbelanjaan Tahunan Lembaga Loteri, 1984-1988**

Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1984	101,723,354	77,023,503
1985	120,070,154	90,320,584
1986	145,346,359	108,439,618
1987	162,338,189	123,704,418
1988	161,958,864	128,438,242

Sumber: Penyata Rasmi Dewan Negara, 29 Mac 1989, 425-426

Pada penghujung 1980an, desakan menghapuskan judi loteri semakin kedengaran dalam kalangan Ahli Parlimen termasuk wakil BN. Dalam sidang Dewan Negara yang berlangsung pada 30 Mac 1989, Hamid Araby Md. Salih berharap peraturan ketat dikenakan bagi menghindari orang Islam dari terlibat dengan judi selain tidak membenarkan mereka berkongsi niaga dalam perniagaan judi.<sup>67</sup> Abdul Hamid Latif menegaskan pengeluaran lesen perjudian besar-besaran mencerminkan Malaysia sebuah negara perjudian. Justeru diharap kerajaan mengharamkan semua jenis judi di negara ini. Rosnah Mohd. Salleh mencadangkan kerajaan perlu mengurangkan judi-judi baharu dan bukan menambahkan demi mengejar keuntungan.<sup>68</sup> Loke Yuen Yow dalam jawapan turut mengakui kegiatan judi haram menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial tetapi kewujudan aktiviti perjudian membantu kerajaan mengutip cukai sebanyak RM28.6 juta daripada 6,523 mesin slot yang diimport.<sup>69</sup> Azman Atar Othman mencadangkan Loteri Kebajikan diswastakan bagi meringankan kerajaan. Loke dalam jawapan kepada soalan Mohd Noor Abdullah menjelaskan negara tidak akan bankrap sekalipun menghentikan semua aktiviti judi tetapi pada tahun 1988 sebanyak 1.6% atau RM345.4 juta daripada jumlah hasil negara adalah daripada cukai perjudian.<sup>70</sup>

Nik Abdullah Arshad (PAS-Pengkalan Chepa) sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Pertaruhan (Pindaan) 1989, menyatakan.<sup>71</sup>

“...dalam Islam, apabila disebut haram maka haramlah selama-lamanya. Begitu juga kebajikan kekal selama-lamanya. Tetapi apabila dirujuk kepada dasar kerajaan maka didapati ada judi halal, judi haram, loteri halal dan loteri haram. Yang penting ada lesen maka jadi halal. Jika tidak ada lesen maka hukumnya haram. Lesen yang menentukan haram-halal dan bukan hukum dan pegangan hidup yang menentukan haram-halal. Ajaran dan pegangan hidup kerajaan Islam mana yang bertindak demikian? Inikah amalan kerajaan yang mengamalkan slogan bersih

67 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 4, 30 Mac 1989, 5 & 11

68 Ibid., 5 & 10

69 Ibid., 7-10

70 Ibid., 11, 12 & 106

71 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 37, 27 Oktober 1988, 6509

serta cekap dan amanah. Mengapakah kerajaan tidak dapat mengharamkan terus amalan judi dan punca-punca maksiat seperti ini? Berapa puluh tahun lagikah kerajaan hendak bergelumang dengan dosa ini? Kerajaan malu serta takut kepada siapa? Kerajaan mahu sebanyak mana? Kerajaan mahu memerintah sampai bila? Apakah kerajaan merasa gagah dan kuat selama-lamanya? Kalau kerajaan benar-benar bertanggungjawab kembali kepada prinsip Islam yang sebenar. Sebagai ahli PAS, saya ingin menyeru kerajaan supaya menghapuskan segala punca-punca maksiat yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak serta merosakkan kehidupan rakyat. Saya tidak mahu setakat meminda akta-akta berkaitan judi tetapi tidak mengikut kehendak hukum Syarie. Dalam tempoh 30 tahun pindaan demi pindaan terhadap akta demi memperbetulkan kehidupan rakyat. Tetapi sehingga hari ini kerajaan tak pernah sedar bahawa judi yang merosakkan rakyat. Judi diterangkan Allah SWT dalam al-Quran bahawa ia najis, amalan syaitan dan menjadi punca permusuhan sesama manusia. Dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, kerajaan mengeluarkan modal tambahan sebanyak RM101,603,409 juta kepada Loteri Kebajikan. Hal ini terang-terangan berlawanan dengan usaha kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam, kepimpinan melalui teladan, bersih, cekap dan amanah serta Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Mengapa kerajaan menambah peruntukan tambahan judi. Tidakkah hal ini menjadi bukti bahawa kerajaan tidak komited mengharamkan judi dan munasabahlah usul yang dikemukakan pembangkang mengenai pengharaman judi ditolak kerajaan. Saya percaya tujuan utama kerajaan mengekalkan judi bertujuan mengumpulkan sebanyak mungkin hasil meskipun terpaksa menggadai maruah bangsa dan menjual kesucian agama. Wakil PAS pernah membawa usul mengharamkan judi Loteri Kebajikan kepada Tunku tetapi ditolak dengan alasan ia menjadi punca hasil negara dan sekiranya berdosa biarlah dia yang menanggung dosa tersebut. Beliau ingin tahu, inikah hujah-hujah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah? Dan sanggupkah ustaz yang ada dalam Dewan ini dan anak-anak cucunya menanggung dosa sama seperti yang dijamin datuknya dahulu? Di manakah letaknya jaminan Timbalan Menteri Kewangan dan anggota-anggota Dewan yang bangun mengecam kerana wabak judi melanda negara dengan dahsyat? Ketika itu kerajaan mengambil langkah-langkah segera untuk mengatasinya dengan mengetatkan undang-undang serta menambah hukuman yang berat dari denda RM10,000 kepada RM100,000, dari RM5,000 ke RM50,000 atau penjara lima tahun. Cuba tanya ahli-ahli agama kerajaan yang ada dalam dewan ini termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bagi saya dengan mengetat undang-undang dan menambahkan hukuman sekalipun baik pada pandangan tidak meninggalkan kesan yang positif sebagaimana Akta Dadah Merbahaya. Memandangkan judi boleh merosakkan masyarakat terutama generasi muda, maka dicadangkan kerajaan mengharamkan judi. Ia bukan sahaja bercanggah dengan ajaran Islam bahkan ajaran agama-agama lain; bercanggah dengan perlembagaan Malaysia di mana Islam sebagai agama rasmi; bercanggah dengan slogan Bersih, Cekap dan Amanah; bercanggah dengan kepimpinan melalui teladan; bercanggah dengan usaha menerapkan nilai-nilai Islam; bercanggah dengan keputusan Majlis Belia Malaysia yang meluluskan resolusinya pada 28 Mei 1989 mengenai bahaya judi. Bercanggah dengan keputusan Pemuda UMNO yang mendesak kerajaan supaya mengharamkan judi. Bercanggah dengan keputusan Persatuan Ulama Malaysia dan beberapa pertubuhan-pertubuhan lain serta tokoh-tokoh agama yang mengambil berat terhadap wabak judi ini. Kalau Majlis Fatwa Kebangsaan mengambil tindakan tegas mengharamkan Al-Quran yang ditulis dalam tulisan

Rumi, mengapa pula kerajaan tidak boleh bertindak sama demi menjaga umat Islam dari terlibat dalam maksiat yang disengajakan.<sup>72</sup>

Kenyataan Nik Abdullah dipersetujui Wan Abu Bakar Wan Mohamed sewaktu membahaskan Rang Undang-Undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989 di Dewan Negara pada 11 Disember 1989 yang mencadangkan segala aktiviti perjudian diperketatkan atau diharamkan terus iaitu bukan hanya meminda Seksyen 9 dengan menaikkan penalti bagi kesalahan membeli tiket loteri haram daripada RM2,000 kepada RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.<sup>73</sup> Dalam pada itu Habidah Jusoh juga senada dengan Wan Abu Bakar dengan menyarankan kerajaan supaya mengawal kegiatan-kegiatan judi. Beliau menyatakan;

“...ini kerana undang-undang yang dibuat 36 tahun lalu di mana negara masih dijajah, maka tentulah mereka mengadakan undang-undang mengawal judi. Bukankah kita sekarang sudah merdeka hampir 32 tahun dan dalam Perlembagaan menyatakan Islam sebagai agama rasmi? Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara, maka sampai bilakah masih mengekalkan undang-undang yang dicipta akal manusia? Apakah kita takut bertindak sedangkan kuasa diberi Allah kepada kita untuk menjadi khalifah di bumi ini. Sifat berani ulama menghadapi ancaman yang merosakkan negara perlu dicontohi. Rasulullah SAW bersabda, “Katakanlah perkara yang benar sekalipun perkara itu pahit.” Rang Undang-undang perjudian ini hanya pindaan kepada Akta sedia ada, tetapi saya ingin mengesyorkan supaya rang undang-undang ini diperkemaskan. Dicadangkan kerajaan tidak menggalakkan orang Islam bekerja di tempat-tempat perjudian seperti di tempat-tempat nombor ekor, Toto dan sebagainya”.<sup>74</sup>

Pada 4 April 1990, kerajaan mengumumkan penamatan operasi Loteri Kebajikan secara beransur-ansur dalam masa enam bulan. Sementara itu cabutan tiket Loteri Kebajikan terakhir diadakan pada 10 April 1990 di Dewan Bandaran, Taiping. Menurut Dr. Mahathir, kerajaan tidak lagi terbabit secara langsung dalam sebarang penganjuran judi sekalipun mengakibatkan kerajaan kehilangan banyak hasil.<sup>75</sup> Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Yong Khoo Seng) di Dewan Negara pada 24 Julai 1991 menyatakan tarikh sebenar pembubaran Lembaga Loteri ditetapkan selepas RUU Lembaga Loteri (Pembubaran) 1991 diluluskan Dewan Rakyat. Dalam sidang sama, Mustapa Mohamed menjelaskan tindakan kerajaan menamatkan Loteri Kebajikan bagi penduduk terlibat dalam aktiviti perjudian. Justeru setiap lesen perjudian diwajibkan mempamerkan papan tanda amaran serta setiap tiket dicetak dengan kenyataan “Judi adalah haram di sisi agama Islam”. Selain itu premis-premis perjudian tidak dibenarkan beroperasi berdekatan sekolah dan rumah ibadah.<sup>76</sup>

72 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 26, 4 Julai 1989, 5149-5161

73 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 11 Disember 1989, 2238 & 2254.

74 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 16, 12 Disember 1989, 2357

75 Mengurangkan kegiatan judi: Loteri Kebajikan diberhentikan, Berita Harian, 5 April 1990, 1.

76 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelapan Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 16, 24 Julai 1991, 1884, 1885 & 1929

Sidang Dewan Rakyat yang berlangsung pada 12 Jun 1990, Menteri Kebajikan Masyarakat (Mustaffa Mohammad) menyatakan tindakan kerajaan menamatkan perkhidmatan Loteri Kebajikan selaras dengan dasar kerajaan untuk tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti perjudian serta mengawal kegiatan tersebut. Dengan pemberhentian loteri kerajaan kehilangan hasil RM50 juta setahun. Kerajaan masih membenarkan operasi syarikat-syarikat loteri lain kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk maka adalah tidak sesuai bagi kerajaan memberhentikan semua operasi perjudian. Tambahan pula, jika semua jenis perjudian tidak dibenarkan maka ia menggalakkan judi haram serta menimbulkan beberapa masalah lain.<sup>77</sup>

Tindakan kerajaan yang menamatkan operasi Loteri Kebajikan mendapat sokongan Ahli Parlimen PAS. Justeru sewaktu membahaskan RUU Lembaga Loteri (Pembubaran) di Dewan Rakyat pada 30 Julai 1991, Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) berucap, katanya,<sup>78</sup>

“...dan mengharapkan sebarang aktiviti perjudian lain turut diharamkan kerana dibenci semua agama, kaum, pejuang-pejuang moral dan akhlak. Manakala rang undang-undang untuk memansuhkan loteri masih tidak memenuhi dua keadaan. Pertama menerapkan ajaran Islam, moral yang mulia dan bertaubat meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan Islam yang tidak memberi berkat kepada siapa yang melibatkan diri dengannya secara langsung ataupun tidak langsung dan memberi pendapatan yang tidak mempunyai keberkatan kepada negara dan rakyat. Kedua kerana kepentingan politik dan kerana ekonomi mengharamkan sebahagian dan menghalalkan sebahagian yang lain, mengikut keadaan suasana dan perkembangan, bukan berdasarkan kepada tuntutan-tuntutan agama dan moral. Sekiranya matlamat untuk bertaubat, maka ia menyelamatkan kerajaan dan rakyat daripada terlibat dengan perjudian, sama juga mereka yang dilantik menjadi Lembaga Pengarah. Segala harta-bendanya hendaklah disalurkan melalui kerja-kerja amal kebajikan, Pembubaran Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan menamatkan satu isu yang kontroversi yang dihadapi kerajaan Barisan Nasional”.<sup>79</sup>

Sekalipun Lembaga Loteri dibubarkan, seramai 66 orang kakitangan bertaraf jawatan tetap dipindahkan ke perkhidmatan awam lain serta manakala seramai 64 orang kakitangan kontrak dan sambilan diberhentikan. Aset tetap bernilai RM2.3 juta dan aset semasa bernilai RM9.7 juta serta hadiah luput berjumlah RM1,471,798 diserahkan kepada kerajaan untuk membiayai projek-projek sosial.<sup>80</sup>

Pada 7 Ogos 1991, Yong Khoo Seng membentangkan RUU Lembaga Loteri (Pembubaran) 1991 di Dewan Negara.<sup>81</sup> Yong menyatakan dalam masa 40 tahun loteri dijalankan RM838 juta berjaya dikutip. Habidah Jusoh sewaktu membahaskan rang

77 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 16, 12 Jun 1990, 3225

78 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 67, 30 Julai 1991, 11037

79 Ibid., 11039

80 Ibid., 11040-11055

81 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelapan Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 26, 7 Ogos 1991, 3491-3494

pembubaran Lembaga Loteri bersetuju langkah kerajaan mengharamkan loteri serta berharap kesemua bentuk judi di Malaysia dihentikan. Dalam sidang yang sama Azman Atar Othman berharap PAS tidak lagi menuduh kerajaan menggunakan wang haram sebagai hasil negara.<sup>82</sup> Sidang Dewan Negara pada 16 Disember 1991, dimaklumkan bahawa Yang di-Pertuan Agong telah memperkenan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991.<sup>83</sup>

## Kesimpulan

Pertembungan prinsip fundamental antara Ahli Parlimen terhadap penggunaan wang judi loteri berkisar kepada dua keadaan. Pertama majoriti ahli mengakui wang loteri adalah haram di sisi Islam. Kedua, pemungutan dan penggunaan wang loteri pada pandangan wakil UMNO diharuskan untuk pembangunan dan kebaikan ummah sedangkan wakil PAS berpegang bahawa hasil loteri hanya boleh digunakan jika keadaan terdesak. Bagi PAS aliran pemikiran matlamat menghalalkan cara bertentangan dengan Islam serta prinsip Syarak. Pertembungan prinsip fundamental ini juga membawa kepada keluarnya kumpulan ulama dalam UMNO untuk menubuhkan PAS pada tahun 1951. Dalam Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara wakil PAS selama 40 sering membangkitkan isu wang loteri sehinggalah kerajaan menamatkan Lembaga Loteri dan Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan pada tahun 1990 melalui Akta Pemansuhan di Parlimen.

---

82 Ibid., 3496, 3497 & 3501

83 Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Kelapan Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 27, 16 Disember 1991, 3559